



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN MYGROCER@WILAYAH DAN
PENGANJURAN TAMU BUDAYA “MENGENANG MASA LALU”**

11 OGOS 2024

**PENTAS TERBUKA
BUKIT KALLAM, LABUAN**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada pagi ini sempena Majlis Pelancaran MYGrocer @ Wilayah dan Penganjuran Tamu Budaya.
2. Semasa lawatan kerja pertama saya ke Labuan selaku Menteri yang bertanggungjawab kepada Wilayah Persekutuan pada Januari 2024 yang lalu, saya telah mengambil peluang untuk mendengar pandangan dan keluhan rakyat Labuan melalui Sesi Temu Rapat Dr. Zaliha. Antara intipati yang dibangkitkan pada sesi tersebut adalah terkait dengan isu kos sara hidup yang tinggi di Pulau Labuan ini.

3. Sebagai solusi *quick win* pada ketika itu, saya telah meminta Jabatan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan untuk mengambil tindakan segera bagi mencari penyelesaian terhadap isu yang dibangkitkan ini. Oleh itu, Jabatan Wilayah Persekutuan membawakan perkhidmatan MyGrocer @ Wilayah yang juga merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Usaha Jaya Insan atau PUJI.
4. Alhamdulillah, saya dimaklumkan program MyGrocer @ Wilayah ini telah mula beroperasi di 26 kampung sekitar Labuan sejak Jun yang lalu. Untuk mulakan operasi ini di Labuan, kita bawakan kepakaran operator dari Kuala Lumpur dan Putrajaya ke sini.
5. Tetapi saya juga ada berbincang dengan Dato' Indera Ketua Pengarah, sekiranya program ini berjaya di Labuan, kita akan serahkan sepenuhnya pengoperasian trak ini kepada usahawan tempatan untuk mengendalikannya.

KOLABORASI STRATEGIK DALAM PELAKSANAAN MYGROCER @ WILAYAH DI LABUAN

Para hadirin sekalian,

6. Saya amat berterima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh rakan-rakan strategik dari pelbagai agensi Kerajaan termasuklah pihak Kementerian Perdagangan dan Kos Sara Hidup (KPDN), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Suruhanjaya Koperasi, Jabatan Kesihatan, Yayasan Wilayah Persekutuan dan banyak lagi.
7. Terima kasih antaranya diucapkan kepada MAIWP yang telah mengeluarkan peruntukannya dengan memberi kemudahan kepada seramai 5,529 orang penerima bantuan kewangan bulanan MAIWP di Wilayah Persekutuan untuk membeli barang keperluan harian pada harga yang berbaloi di trak MyGrocer @ Wilayah.
8. Untuk makluman semua juga, program ini merupakan pelengkap kepada Program Agro Madani yang dikendalikan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). MyGrocer @ Wilayah ini adalah merupakan sebuah program *outreach* di mana barang-barang keperluan harian dijual secara terus ke kawasan tempat tinggal komuniti pada harga 5 hingga 20 peratus lebih murah daripada harga di pasar awam. Lebih menarik, inisiatif ini dilaksanakan tanpa mendapat subsidi daripada pihak Kerajaan.

9. Memandangkan kebanyakan pelanggan MyGrocer @ Wilayah merupakan mereka yang mempunyai keupayaan membeli yang kecil, maka konsep pembungkusan barang segar adalah berbentuk *prepacked* bagi memudahkan lagi para pembeli memperoleh barang segar dengan lebih mudah dan pantas.
10. Sempena majlis pada hari ini, saya difahamkan sebentar lagi, kita akan membuka jualan dalam slot *happy hour* dengan menjual seekor ayam pada harga RM 9.00 sahaja dan terhad hanya untuk 500 ekor ayam yang pertama. Jadi, jangan lepaskan peluang untuk membeli barang mentah ini pada harga yang lebih jimat.

PLATFORM MYGROCER ONLINE BERI KEMUDAHAN PEMBELIAN SECARA DALAM TALIAN

Para hadirin sekalian,

11. Hari ini kita akan menyaksikan satu lagi penambahbaikan kepada pengoperasian MyGrocer @ Wilayah di mana satu laman web telah dibangunkan yang diberi nama MyGrocer Online. Platform laman web e-commerce ini akan memberi kemudahan kepada rakyat untuk membeli secara *online* dan di hujung jari sahaja. Ini akan memudahkan urusan terutamanya kepada individu yang tidak mempunyai kenderaan.

12. Lebih membanggakan lagi, pembukaan kedai secara dalam talian ini juga akan membuka satu lagi peluang pekerjaan iaitu servis *delivery* yang dinamakan sebagai “Wakeel” yang akan memberikan perkhidmatan menghantar barang yang telah ditempah oleh pembeli sehingga ke pintu rumah. Ini secara tidak langsung akan memberi limpahan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, sekali gus meningkatkan lagi sosio ekonomi setempat. Tahniah saya ucapkan kepada pihak operator!

PENGANJURAN TAMU BUDAYA BAWA KONSEP TRADISIONAL

Para hadirin sekalian,

13. Pada hari ini, saya juga akan turut akan merasmikan Penganjuran Tamu Budaya yang bertemakan “Mengenang Masa Lalu” yang mana para pengunjung yang datang ke Bukit Kallam ini dapat merasai suasana jual beli ketika zaman 40-an dan 50-an. Cantik sekali semua peniaga di Tamu Budaya yang menggunakan pakaian tradisional dan pakaian masyarakat zaman dahulu untuk menimbulkan mood pada hari ini.
14. Saya difahamkan program ini menghimpunkan seramai 26 orang usahawan Labuan dengan mengangkat citra budaya antaranya pelbagai permainan rakyat, pertandingan seni kraf budaya, pelbagai jenis produk termasuk kraftangan dan artisan, serta persembahan kebudayaan. Hasil-hasil tempatan ini adalah cerminan kekayaan kepelbagaian masyarakat di Labuan khususnya.

15. Saya percaya aktiviti seumpama ini bukan sahaja memberi peluang kepada penduduk sekitar memasarkan hasil-hasil keluaran kampung dan diperluaskan untuk menjadi kawasan tumpuan para pelancong untuk membeli produk tempatan Labuan. Saya secara peribadinya amat menyokong usaha ini dalam merancakkan lagi industri pelancongan. Syabas diucapkan kepada Pertubuhan Peladang di atas inisiatif yang diambil ini.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

16. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua rakan strategik Jabatan Wilayah Persekutuan yang telah memberi sepenuh kerjasama dalam menjayakan inisiatif-inisiatif yang dirancang.

Untuk itu sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.